

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

KAT 244 – Kaedah Pemisahan

Masa: 3jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. (a) Tunjukkan jenis-jenis kromatografi yang berdasarkan kepada fasa pegun dan fasa bergerak.
(5 markah)
 - (b) Tuliskan persamaan van Deemter dan lakarkan hubungan di antara tinggi setara plat teoritis dan kadar alir untuk menggambarkan kepentingan persamaan tersebut.
(8 markah)
 - (c) Terangkan bagaimana pengesan yang digunakan di dalam kromatografi cecair keupayaan tinggi beroperasi (pilih satu).
(7 markah)
-
2. Fasa pegun yang digunakan di dalam kaedah kromatografi pertukaran ion terdiri daripada polimer poliistirena dirangkai silang dengan divinilbenzena.
 - (a) Tunjukkan struktur polimer tersebut.
(2 markah)
 - (b) Tambahkan kumpulan berfungsi kepada polimer tersebut untuk mendapatkan resin untuk pertukaran kation yang kuat dan yang lemah.
(4 markah)

.../2-

- 2 -

- (c) Tambahkan kumpulan berfungsi kepada polimer tersebut untuk mendapatkan resin untuk pertukaran anion yang kuat dan yang lemah. (4 markah)
- (d) Tunjukkan mekanisme pertukaran kation dan anion bagi keempat-empat resin pertukaran ion. (10 markah)
3. Komponen penting di dalam kaedah kromatografi gas adalah turus kerana pemisahan yang diinginkan mesti tercapai oleh turus tertentu.
- (a) Terangkan jenis-jenis turus yang biasa digunakan di dalam teknik pemisahan dengan kromatografi gas. (5 markah)
- (b) Dengan mengambil suatu sampel campuran tertentu, pilihlah turus yang sesuai untuk pemisahan. (5 markah)
- (c) Jelaskan bagaimana komponen-komponen lain di dalam kromatografi memainkan peranan masing-masing untuk mengoptimunkan pemisahan dan penentuan kuantitatif sesuatu sampel. (10 markah)
4. Di dalam teknik kromatografi gas dan cecair keupayaan tinggi, sistem keseluruhan adalah tertutup maka kawalan tekanan adalah penting.
- (a) Jelaskan kaedah memasukkan sampel di dalam kaedah kromatografi gas yang kurang sesuai digunakan di dalam kaedah kromatografi cecair keupayaan tinggi. (5 markah)
- (b) Jelaskan kaedah memasukkan sampel di dalam kaedah kromatografi gas yang dapat juga digunakan di dalam kaedah kromatografi cecair keupayaan tinggi. (5 markah)
- (c) Jelaskan kenapa turus kaca dapat digunakan di dalam kromatografi gas tetapi tidak di dalam kromatografi cecair keupayaan tinggi. (5 markah)

- 3 -

- (d) Jelaskan kenapa untuk mendapatkan kesolusi yang baik, kaedah kromatografi gas dengan memanjangkan turus (contohnya turus rerambut), sedangkan kaedah kromatografi cecair keupayaan tinggi dengan mengecilkan padatan.
- (5 markah)
5. (a) Bandingkan kaedah suhu terprogram di dalam kaedah kromatografi gas dengan kaedah pengelusian kecerunan di dalam kaedah kromatografi cecair keupayaan tinggi, kemudian samakan tujuan pencapaian matlamat kedua-duanya.
- (15 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas kenapa kaedah kromatografi klasik seperti kromatografi turus, kromatografi lapisan nipis dan kromatografi kertas masih digunakan hingga sekarang ini.
- (5 markah)
6. (a) Terangkan bagaimanakah pH larutan boleh memainkan peranan dalam pengekstrakan sesuatu asid lemah.
- (5 markah)
- (b) Dengan menggunakan prinsip pengekstrakan pelarut, cadangkan bagaimanakah anda dapat memisahkan nitrobenzena ($C_6H_5NO_2$) daripada anilina ($C_6H_5NH_2$).
- (5 markah)
- (c) Bincangkan faktor-faktor penting yang mempengaruhi pemisahan menggunakan kaedah elektroforesis.
- (10 markah)
7. (a) Sebanyak 200 mg dadah yang terdapat dalam 100.00 mL air telah diekstrak ke dalam fasa organik. Jika nilai nisbah taburan ialah 20.0, kira peratus dadah yang terekstrak jika
- (i) diekstrak dengan 100 mL pelarut organik,
- (ii) diekstrak dua kali, setiap kali menggunakan 50.00 mL pelarut organik,

- 4 -

- (iii) diekstrak sepuluh kali, setiap kali menggunakan 10.00 mL pelarut organik.
- (iv) Beri dua cadangan yang lain untuk mempertingkat kecekapan pengekstrakan.

(12 markah)

- (b) Bincangkan kelemahan kaedah elektroforesis depan.

(8 markah)

oooOooo